

Nafi ugut rakyat pilih BN

Kerajaan berhak

80 2 JUN 1990

sekat tragedi: PM

Oleh MAHFAR ALI
dan RAZALI ZAKARIA

ARAU, Isnin — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menafikan dakwaan pembangkang kononnya kerajaan mengugut dan menakutkan rakyat bagi memastikan Barisan Nasional (BN) dapat mengekalkan kuasa.

Menurutnya, pandangan beliau mengenai kemungkinan rusuhan akan berlaku jika BN memenangi 51 peratus saja kerusi dalam pilihanraya umum akan datang, bukan bertujuan mengugut rakyat, tetapi mengingatkan semua pihak supaya kejadian 13 Mei 1969 tidak berulang.

"Menjadi tanggungjawab saya untuk membuat analisis itu dan memberitahu rakyat. Jika saya tidak memberitahu rakyat dan rusuhan berlaku, maka saya merasa bertanggungjawab terhadapnya," katanya di majlis perjumpaan dengan kakitangan kerajaan di Institut Teknologi Mara (ITM) di sini, hari ini.

Datuk Seri Dr Mahathir yang dalam rangka lawatan sehari ke negeri ini berkata, rakyat perlu memilih kerajaan yang kuat bagi memastikan pentadbiran dan pembangunan negara dapat berjalan sempurna.

"Jika kerajaan mendapat majoriti yang kecil atau kelebihan satu kerusi, kedudukannya akan tergugat dan segala pembangunan tidak dapat dilaksanakan," katanya.

Mengenai pembangunan, Perdana Menteri berkata, kerajaan mahu pembangunan rohaniah berjalan seimbang dengan pembangunan material.

"Kita tidak mahu menjadikan rakyat kaya, tetapi lupa daratan dan hilang iman," katanya.

Sehubungan itu, beliau mengingatkan mengenai pentingnya persefahaman di antara pihak pentadbiran, kehakiman dan pembuat dasar bagi memastikan segala program dan dasar negara berjalan sempurna.

"Saya harap pihak pentadbir tidak salah

faham terhadap pemimpin politik kerana kita cuma menjadi saluran untuk menyampaikan kehendak rakyat," katanya.

Perdana Menteri berkata, kerajaan tidak akan berbelanja melebihi kemampuannya, seperti memenuhi semua tuntutan kakitangannya, bagi mengelak negara menjadi muflis.

Terdahulu, dalam perjumpaan dengan petani dan penduduk di Kampung Cantik Bangun, Serdang dekat sini, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kehidupan penduduk di luar bandar kini jauh lebih baik berbanding di zaman penjajah.

"Selain menikmati pelbagai kemudahan asas, kerajaan juga menyediakan penasihat pertanian bagi memajukan sektor itu, termasuk menggunakan teknologi moden di ladang," katanya.

Perdana Menteri berkata, penggunaan teknologi moden bukan saja dapat meningkatkan hasil pertanian, malah mengencilkan bilangan peladang.